

TARIKH	13 / 12 / 2012	SEKSYEN	Nasional
MUKA SURAT	N7	RUANGAN	Sentral

Karnival komuniti Tabung Haji

Masjid Tanah: Tabung Haji Melaka akan menganjurkan Karnival Bersama Komuniti di Masjid Saidina Umar Al-Khattab, Lendu, pada 12 Januari ini.

Program yang bakal menyediakan pelbagai acara menarik itu mendapat kerjasama Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) Kampung Lendu.

Timbalan Pengarah Tabung Haji Melaka, Abu Sukor Jangga, berkata penganjuran program itu antara lain bertujuan merapatkan ukhuwah dan silaturahim antara orang ramai dengan agensi itu, di samping mengenali lebih dekat fungsi Tabung Haji.

Ada pelbagai acara

Katanya, pelbagai acara sudah disusun sepanjang program berlangsung, antaranya pelancaran Kelab TaHa, pertandingan futsal dan gubahan serta pameran membabitkan beberapa jabatan dan agensi kerajaan.

"Program julung kali diadakan ini bakal dirasmikan Ketua Menteri Melaka, Datuk Seri Mohd Ali Rustam," katanya selepas mempekerusikan mesyuarat jawatankuasa program berkenaan, di pejabat cawangan Tabung Haji, di sini.

Abu Shukor berharap orang ramai, khususnya masyarakat Islam di sekitar kawasan Masjid Tanah dan daerah Alor Gajah tidak melepaskan peluang mengunjungi karnival itu.